

---

**From:** Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM CAS  
**Sent:** Monday, 5 June, 2017 3:43 PM  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Cc:** Dr. Massudi bin Mahmuddin  
**Subject:** MEMPERKASAKAN JATI DIRI PARA PELAJAR PRAKTIKUM UUM CAS



PEJABAT PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI  
Student Development & Alumni Office  
*College of Arts and Sciences*  
**Universiti Utara Malaysia**

**05 JUN 2017 / 10 RAMADHAN 1438H**

=====

**"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"**  
**(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

#### **MEMPERKASAKAN JATI DIRI PARA PELAJAR PRAKTIKUM UUM CAS**

Melahirkan graduan yang berkualiti, mempunyai modal insan, inovatif dan berkemahiran tinggi merupakan impian setiap institusi pengajian tinggi di negara ini terutamanya Universiti Utara Malaysia. Oleh yang demikian, sesi latihan dan percambahan fikiran telah diadakan pada 16 September 2017 bertempat di Dewan Seminar UUM CAS. Program ini dianjurkan bertujuan untuk meningkatkan keyakinan diri dan juga persediaan menghadapi temu duga kepada pelajar tahun akhir.



Program ini telah dikendalikan oleh Encik Koonalan dan pasukan merupakan Pengurus di EKG Network Sdn Bhd. EKG Network Sdn. Bhd. merupakan salah sebuah syarikat yang menawarkan platform kepada organisasi yang ingin melibatkan diri dalam pembangunan peribadi dan juga promosi jualan. Selain itu, syarikat ini turut memastikan kesemua kliennya mempunyai peluang untuk memajukan diri dan juga kerjaya mereka. Dalam program ini, Encik Koonalan telah berkongsi mengenai cara-cara untuk menghadiri temu duga, langkah-langkah meningkatkan keyakinan diri dalam kalangan graduan dan juga perkongsian dalam meningkatkan kemahiran-kemahiran yang perlu ada dalam diri para graduan sebelum melangkah ke alam pekerjaan kelak.



Program ini telah dihadiri oleh para pelajar tahun akhir yang bakal menjalankan latihan praktikum mereka pada September 2017. Turut hadir semasa program ini adalah Dr. Rajwani Md. Zain, Penyelaras Praktikum di PPA CAS dan juga para pensyarah di UUM CAS.



Sekian dan harap maklum.

=====

Students Development & Alumni Office  
UUM College of Arts & Sciences  
Tel: 049285307 | Faks: 049285310  
Email:cas-sadc@uum.edu.my  
Website:ppacas.uum.edu.my



Students Development & Alumni Office



@ppauumcas

=====



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.